

MEMPERKUKUH PERANAN BAHASA MELAYU DALAM DUNIA SENI: CABARAN DAN STRATEGI

Hatta Azad Khan
(Malaysia)

Pengenalan

Kertas ini secara tidak langsung adalah lanjutan dari tiga kertas kerja yang telah saya tulis dan bentang sejak tahun 1984 hingga 2012. Kertas pertama dengan judul “Peranan Drama dan Filem dalam Pembinaan Bahasa Melayu”¹, kertas kedua, “Peng-hasilan Skrip dan Proses Produksi: Beberapa Cabaran Masa Kini”² dan yang ketiga, “Sastera Sebagai Pemangkin Pembangunan Kandungan Industri Kreatif Negara”³. Ketiga-tiga kertas tersebut turut membicarakan bahasa Melayu sebagai aspek penting dalam proses penulisan kreatif dan hubung kait naskhah/kandungan (*content*) dengan hasil produksi yang menjadi produk industri kreatif.

Secara langsung kertas ini (keempat) juga turut mengaitkan peranan bahasa Melayu dalam karya seni bersifat tulisan (skrip/lakon layar) dan persembahan pentas dan layar. Perkembangan teknologi media secara tidak langsung menjadikan naskhah atau skrip dan lakon layar sebagai asas kepada penghasilan produk (drama dan filem) yang kini tergolong dalam istilah baru yang disebut sebagai ‘content’ atau kandungan. Tapi apa pun istilah yang diguna pakai, tempoh yang agak panjang (1984-2015) itu akan sekali gus menjadi ukuran dan persoalan sama ada kita telah berjaya menyelesaikan permasalahan penggunaan bahasa secara terbaik atau kita masih berada pada tahap yang sama.

Dalam ketiga-tiga kertas kerja terdahulu itu saya tidak pernah meletakkan kesalahan atau kelemahan kepada bahasa. Sebaliknya saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pakar-pakar bahasa dari kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia yang telah banyak berusaha meningkatkan kerjasama dan saling kefahaman menjadikan bahasa Melayu itu berkembang maju. Yang sering tersasul dan tersilap adalah manusia penggunaanya yang sentiasa mengambil jalan mudah atau pendekatan singkat untuk meminda dan memudahkan perkataan dan ayat dalam percakapan mahupun penulisan.

Penjelasan istilah:

Dalam isu bahasa, memperkukuh atau perkukuh memberi makna positif – agar bahasa itu berdiri dengan betul dari segi penulisan dan pertuturan (bacaan), dihargai dari segi penggunaan yang meluas, berjaya memberikan makna atau erti yang jelas, dan diberikan nilai keindahan yang sebaik-baiknya. Peranan pula adalah tugas dan fungsi (*role and function*) yang dipertanggungjawabkan kepada bahasa Melayu bagi meningkatkan apa saja karya seni yang diperantarakan oleh bahasa secara penulisan atau pertuturan. Selain itu dalam menjalankan tugas atau fungsi dan peranan ini kita perlu mengenali apa sahaja situasi yang menjadi cabaran, dan terakhir memikirkan apakah jalan terbaik mengatasi cabaran itu dengan mengatur strategi yang paling berkesan.



Memahami Keadaan Semasa:

Keadaan hari ini jauh berbeza berbanding 50 tahun lalu. Tahun 1974 karyawan yang menghasilkan karya seni dalam bentuk penulisan ada yang terpeleceh jari tangannya akibat terlalu lama mengetuk mesin taip untuk menyiapkan sebuah novel, tiga buah skrip, duapuluh buah cerpen atau seratus buah sajak. Kemudian ia jadi sedikit selesa bila ada yang membeli mesin taip elektronik, kemudian barulah muncul komputer mudah yang waktu awalnya cuma dipanggil *word processor* dengan skrin *monochrome*. Teknologi hari ini sudah terlalu *advance* sehinggakan jauh meninggalkan harapan dan impian manusia. Segala-galanya terletak di hujung jari: bukan setakat penulisan, tetapi lukisan, rekabentuk, susun-letak, penyuntingan, melakar dan mewarna, mencetak, mengimbas, bahkan menyelesaikan sesuatu projek dari A hingga Z, boleh berjual-beli, berbual dari jarak jauh, bahkan jadi ruang tempat bertelagah pendapat, bergaduh, menyumpah seranah hingga terheret ke mahkamah. Itulah teknologi terkini yang sudah jauh meninggalkan hukum-hukum kehidupan manusia normal.

Sepatutnya dengan berbantuan seluruh teknologi terkini, dunia kebahasaan yang mencakupi aspek ciptaan, pemaparan dan kepenggunaan itu akan menjadi lebih sempurna dan tidak merosakkan. Peranan bahasa sebagai alat komunikasi yang menyampaikan maklumat, pesanan, nasihat melalui karya seni yang zahir dari ide atau pemikiran kreatif tentang kehidupan manusia, telah mula terganggu dan tergendala. Semuanya terjadi kerana manusia mudah lupa bila dia berdepan dengan komputer secara sendirian tanpa dilihat orang lain. Alam siber yang memungkinkan berbagai ragam tulisan dan gambar sering menjadi tarikan yang boleh menjadikan penggunanya ketagihan. Lebih dari itu ia turut menjadi alat menyampaikan segala protes dan kritikan yang kadang-kadang tidak mungkin terucap sewaktu berdepan secara fizikal, tetapi tertulis dan terkirim dengan cepat, tanpa berfikir panjang akan kesan dan akibatnya apabila dibaca dan ditonton oleh semua orang. Hasrat yang baik boleh saja terpesong menjadi sebaliknya.

Dunia Seni:

Seni itu luas: mencakupi penulisan (*literature*), pementasan (*performance*), tampak (*visual*), dan rakaman (*recording*). Tamadun manusia lebih dulu mengenali seni, dan apabila seni itu dipelajari, diamali dan dihargai, ia menjadi budaya atau sebahagian dari kehidupan. Kehidupan turun-temurun akan menjadikan budaya itu diwarisi lalu lama-kelamaan jadilah seni dan budaya itu sebagai warisan.

Dunia seni atau *the artistic world* itu menuntut penglibatan manusia sebagai pencipta dan pengguna, mencakupi berbagai kegiatan yang terhasil dari pemikiran, bakat dan kepakaran manusia. Pertumbuhan teknologi dan ekonomi (pasaran) turut meminda hasil kesenian untuk dilihat bukan semata-mata sebagai sajian kerohanian manusia tetapi turut dilihat sebagai produk yang boleh dijual dan menghasilkan pulangan. Apabila ia tergolong sebagai industri, ia dilihat sebagai aktiviti ekonomi yang mempergunakan ilmu dan pengetahuan (dalam bidang seni) serta alat yang menyampaikan maklumat (*information*). Industri kreatif ini turut dinamai sebagai industri seni budaya terutama di Eropah (Hesmondhalgh, 2002: 14) atau ekonomi kreatif (Howkins, 2001) yang meliputi pengiklanan (*advertising*), seni bina, seni lukis, kraf, seni reka, fesyen, filem, muzik, seni pementasan, penerbitan buku, pengisian komputer, mainan dalam komputer, televisyen, radio dan permainan video.



Tetapi liputan oleh Howkins dalam bidang ekonomi kreatif ini belum lagi diberikan perakuan atau pengiktirafan antarabangsa kerana menurut Florida (2002) kreativiti manusia adalah puncak segala sumber ekonomi (*human creativity is the ultimate economic resource*). Barangkali kita boleh bersetuju kerana kreativiti manusia itu sangat luas akan bidang, alatan dan daya ciptaannya. Menurut Landry & Bianchini (1995) “...the industries of the twenty-first century will depend increasingly on the generation of knowledge through creativity and innovation”. Lash dan Urry (1994) pula menyarankan “each of the creative industries has an irreducible core concerned with the exchange of finance for rights in intellectual property”. Saranan ini bersahutan dengan definisi industri kreatif oleh Jabatan Kebudayaan, Media dan Sukan, United Kingdom sebagai “...those industries which have their origin in individual creativity, skill and talent and which have a potential for wealth and job creation through the generation and exploitation of intellectual property”.⁴

Tafsiran Malaysia:

Di Malaysia, kertas Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) digubal melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia hasil dari Persidangan Industri Kreatif pada 17 Mac 2009. Pemahaman terhadap industri ini meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan (*content development*). Skop industri kreatif ini diperluas kepada kategori berikut:

- **Industri Kreatif Multimedia:**
penerbitan filem dan televisyen, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan .
- **Industri Kreatif Seni Budaya:**
Kraf, seni visual, muzik, seni persembahan, penulisan kreatif, fesyen dan tekstil.
- **Industri Kreatif Warisan Budaya:**
Muzium, arkib, pemuliharaan dan pemuliharaan.

Ternyata skop yang digariskan oleh DIKN ini lebih meluas. Kita sebenarnya telah membuat penelitian terhadap apa yang telah dilakukan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Singapura, Korea Selatan, New Zealand, Australia serta turut mengambilkira tafsiran yang dibuat oleh UNESCO. Industri kreatif dalam konteks Malaysia adalah “penggembleran dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hakcipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia”.⁵ Dalam ucapan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, Kerajaan Malaysia memperuntukkan Dana Industri Kreatif berjumlah 200 juta bagi membiayai aktiviti penerbitan filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan. Sejumlah 3 juta juga diperuntukkan sebagai geran pelancaran penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni.

Bahasa dan Seni Penceritaan:

Semua seniman itu bercerita dan dunia seni adalah dunia penceritaan yang memerlukan pendengar, pembaca dan penonton. Dalam bahasa pemasaran mereka ini disebut



sebagai pengguna (*consumers*). Bercerita itu berbahasa. Penciptaan juga berbahasa, cuma bahasa itu berubah dari tulisan menjadi bahasa visual, bahasa gerak dan bahasa bunyi. Tetapi sekalipun bahasa gerak dan bahasa visual itu tercipta menjadi sebuah karya koreografi tari atau sebuah catan, si penciptanya perlu juga berbahasa dalam percakapan, iaitu memerihalkan tentang penciptaannya apabila ia dihadirkan bersama karyanya. Bahasa filem sedikit berbeza kerana dalam penyampaian sesebuah cerita atau naratif berbagai bentuk bahasa diadun: bahasa visual, bunyi, percakapan (dialog) dan juga suntingan atau cara bagaimana cerita itu disusun dan disampaikan.

Bercerita dengan Bahasa Indah:

Seorang karyawan mempunyai banyak pilihan gaya dan cara dalam menggunakan bahasa bagi menyampaikan sesuatu maksud. Dia boleh memilih untuk berbahasa secara langsung (*direct*), berkias-ibarat atau berlapik, menggunakan perlambangan atau metafora yang sekali gus akan menampakkan kehalusan seni akal dan budinya. *Bahasa menunjukkan bangsa* itu bererti khalayak yang membaca dan mendengar boleh mengenali ciri dan martabat sesuatu bangsa itu sama ada dia beradat-sopan dan berbudaya. Begitu juga dengan karyawan yang menulis. Dari pilihan perkataan dan susun-aturannya pembaca akan dapat mengenali hati budi dan keperibadiannya.

Tetapi budaya kehidupan itu mesti terlebih dulu indah – gaya dan ragam kehidupan mesti lebih dulu tersusun atau teratur barulah manusianya menggunakan bahasa dengan sopan dan tertib. Bahasa indah tidak ada dalam kehidupan kasar, pongah dan pamarah yang menjadi amalan kumpulan yang digeruni seperti samseng atau gengster. Bahkan orang jahat ini tidak perlukan bahasa kerana percakapan mereka adalah maki-hamun, tampar-menampar, sepak-terajang, tikam-menikam dan tembak-menembak. Dan bahasa ini kita lihat dan dengar kewujudannya dalam drama dan filem – dua karya seni yang turut menjadi makanan atau santapan penonton.

Keindahan Bahasa dalam Karya Seni:

Kita ada banyak karya yang boleh dicontohi. Lihat sahaja lirik lagu *Dealova* oleh kumpulan Dewa nyanyian Once:

*Aku ingin menjadi mimpi indah dalam tidurmu
Aku ingin menjadi sesuatu yang mungkin bisa kau rindu
Karena langkah merapuh tanpa dirimu
(Lampiran I: lirik penuh)*

Perhatikan pula tajuk dan lirik lagu *Di Wajahmu Ku Lihat Bulan* oleh Muhtar Embut, penyanyi asal Sam Saimun.

*Di wajahmu ku lihat bulan - Bersembunyi di sudut kerlingan -
Sadarkah tuan kau ditatap insan - Yang haus akan belaian
(Lampiran II: lirik penuh)*

Perhatikan juga lagu *Permata Untuk Isteri* gubahan dan nyanyian kumpulan Koprata dari Malaysia yang liriknya adalah dari puisi Abdul Aziz H.M (Allahyarham):

Telah kusiapkan suatu daerah paling sunyi
dalam hati ini untuk kau isi sebagai isteri



untuk kau penuhi dengan kemuliaan seorang wanita
untuk kau beri erti dengan kelembutan
untuk kau hargai dengan kasih sayang

(*Lampiran III: lirik penuh*)

Tiga buah lagu ini adalah contoh lirik lagu yang ditulis dalam bahasa yang indah, penuh erti dan dinyanyikan dengan suara yang baik. Ia tentu saja memikat pendengar dan menguja setiap penyanyi untuk menguji suara mereka menyanyikannya. Ini yang dimaksudkan dengan lagu yang menusuk kalbu dan kekal dalam ingatan sehinggakan secara tidak langsung kita yang bersuara sumbang juga mendendangkannya secara diam di dalam hati.

Naskhah (skrip/lakonlayar/senario) drama dan filem juga banyak yang tertulis dengan baik, bukan setakat naratifnya tetapi juga dialog watak-wataknya. Jika ia sebuah komedi ia akan mencuit hati dan jika ia sebuah drama ia akan menyentuh perasaan. Banyak naskhah agung yang kekal diulang-pentas beratus kali di seluruh dunia. Ini karya-karya agung ditulis oleh *the masters* atau adiguru yang terbilang dan kekal menjadi karya klasik. Karya-karya ini boleh diterjemahkan untuk dinikmati oleh semua bangsa di dunia. Contoh terdekat produksi *Ghosts* karya Henrik Ibsen, terjemahan dan arahan Ahmad Yatim yang dipentaskan di Black Box, Aswara Malaysia pada 23 – 25 Januari 2015.

Mendiang Teguh Karya (Indonesia) pernah mengarahkan sebuah filem yang diberi judul *Kawin Lari* yang merupakan adaptasi dari naskhah drama *The Glass Menagerie* karya Tennessee Williams. Saya pernah menonton *A Streetcar Named Desire* dalam versi Jepun di Tokyo pada 1982 dan sebuah kumpulan teater dari negara matahari terbit itu pernah mementaskan tragedi Yunani *Medea* di Kuala Lumpur juga dalam bahasa Jepun dengan sarikata bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sebuah kumpulan teater di Beijing pernah mementaskan *Death of a Salesman* dalam versi Mandarin dan di Indonesia naskhah ini diterjemahkan menjadi *Ajal si Jurujual*. Itulah yang saya maksudkan, kita belajar dari naskhah-naskhah yang sudah tertulis dengan baik oleh karyawan agung yang dikenali dunia dan bentuk terjemahan akan turut menjadikan bahasa itu berusaha mencari istilah, ungkapan dan ayat yang terbaik dan paling tepat dengan bahasa asalnya.

Ungkapan yang bermakna:

Bahasa Melayu sedia mempunyai banyak ungkapan indah yang membawa pengertian yang sangat mendalam: perhatikan ungkapan seperti *Rasa Sayang* dan *Sayang Sarawak* yang menjadi sebahagian dari lirik lagu. Begitu juga dengan tajuk-tajuk lagu yang membawa makna berbanding, kiasan, cerita, suasana dan peristiwa seperti, *Bunga Telur Nasi Minyak* (Zubir Said), *Seri Dewi Malam* (Osman Ahmad), *Senyum Tak Berbalas* (Yusoff B), *Angin Berpesan* (Wandly Yazid), *Hujan di Tengahari*, *Sedangkan Lidah Lagi Tergigit* (P. Ramlee), *Kisah Aku Dia dan Lagu* (Kassim Masdor). Ini hanya sebahagian dari sejumlah tajuk lagu lama yang terdapat dalam koleksi yang diterbitkan oleh Perkamus atau Persatuan Karyawan Musik Melayu Singapura (2002).

Dialek dan Slanga Kedaerahan:

Dialek, slang, intonasi dan loghat adalah sebahagian dari keindahan bahasa. Bila dipertuturkan ia menjadi identiti suku kaum dan kedaerahan. Istilah yang berbeza



dengan makna yang sama juga adalah satu kekayaan bahasa dan tidak perlu disamakan atau diselaraskan. Orang Australia, Britain dan Amerika semuanya bercakap dalam bahasa Inggeris tetapi dengan slanga dan intonasi yang berbeza bahkan istilah juga berbeza. Kata orang Amerika orang Australia tidak pandai berbahasa Inggeris dan disuruh belajar dulu sebelum bawa masuk filem ke Amerika. Itu zaman kemegahan Australia dengan filem *Crocodile Dundee* (1986) dengan bintang yang pertama kali diberikan peranan utama Paul Hogan. Filem itu mendapat kutipan *box-office* di seluruh Australia dan menjadi kebanggaan rakyatnya. Filem itu juga terlaris di Amerika.

Di Malaysia hampir kesemua negeri menggunakan dialek mereka sendiri: yang utama adalah dialek utara, tengah, selatan dan pantai timur, bahkan pantai timur mempunyai tiga dialek yang berbeza: Kelantan, Pahang dan Terengganu. Dalam filem *Wayang* (2008)⁶ saya menggunakan sepenuhnya dialek Kelantan dan mendapati ungkapan-ungkapan lazim yang dituturkan oleh dalang wayang kulit mempunyai pengertian yang sangat mendalam penuh dengan falsafah kehidupan, misalnya: *Ble berjale ble befikir, fikir dale hati gamok dale dado* (Sambil berjalan sambil berfikir, fikir dalam hati jangkaan dalam dada) memerihalkan tentang perjalanan yang turut menanggung pemikiran – kekusutan fikiran yang perlukan penyelesaian dan bentuk penyelesaian itu diberikan ramalan tentang apa yang bakal terjadi.

Saya percaya bahawa kesemua bahasa utama di dunia mempunyai keindahannya dan banyak karya yang telah dihasilkan dalam sesuatu bahasa boleh dikongsi oleh manusia yang mengamalkan bahasa yang berbeza. Permasalahan manusia banyak persamaannya. *Romeo dan Juliet* boleh terjadi dan dialami oleh semua bangsa. Begitu juga *Ramayana* dan *Mahabharata*. Jangan kecewa bila ada karya orang lain yang menjadi besar kerana kebesaran itu sebenarnya boleh dikongsi bersama untuk sesuatu bangsa lain untuk turut menjadi besar.

Secara global terdapat banyak perkara berkaitan bidang pengkaryaan seni yang boleh kita renungi secara mendalam, boleh kita perbaiki atau setidak-tidaknya mencontohi. Teknologi alam siber hari ini memberikan kita peluang yang sangat luas untuk memilih, menyaring, meniru dan mengguna-pakai apa saja yang sedia tersaji. Semuanya berada diujung jari. Sekiranya kita tersilap kita boleh segera memadam dan berpatah balik. Dunia siber itu mengandungi banyak bahan dan perkara yang menguntungkan, tetapi pada waktu yang sama ia juga menampung berbagai ragam sampah sarap.

Mencontohi Pengalaman Korea:

Di Korea anak-anak muda yang tamat belajar di sekolah biasa pada sebelah pagi akan meneruskan pembelajaran seni di sebelah petang. *The Korean Arts and Culture Education Services* (KACES) yang ditubuhkan pada 2005 memainkan peranan memastikan pelaksanaan Pelan Induk Promosi Pendidikan Seni dan Budaya diprogramkan dengan sistematik dan berkesan. Pelan Induk itu disediakan secara bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains dan Teknologi.⁷

Negara Korea juga mempunyai Pelan Strategik yang sangat menyeluruh dari segi pembinaan bahasa dan industri seni kreatifnya dengan sokongan bidang teknologi komunikasi yang sangat erat. Jika kita perhatikan majlis anugerah yang berkait dengan filem dan televisyen, kesemua penerima anugerah – pelakon, pengarah, sinematografer



dan pekerja-pekerja produksi dan pascaproduksi akan memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis skrip dan lakonlayar selain penerbit dan stesen televisyen.

Seni – Mimpi Indah dan Igauan Ngeri:

Seni itu boleh membina mimpi, tetapi tidak seharusnya membina igauan ngeri yang menakutkan dan sekali gus memberikan tanda soal tentang kemungkinan dan kebarangkaliannya (*possibility and probability*) sesuatu igauan itu boleh menjadi nyata. Tetapi yang paling dikesali adalah naratif filem yang meruntuhkan nilai akal dan kebijaksanaan penonton atau dalam bahasa mudah 'memperbodohkan penonton'.

Seni itu adalah cerita. Bercerita atau *story-telling* adalah aksi yang dilakukan si tukang cerita kepada pendengar dan penonton. Kata Isak Dinesen (1885-1962), "*...anything can be tolerated if you can turn it into a story. Most of our days are filled with stories, either of what we have done, heard, or seen, or what we hope, fear or plan to do. Even when we sleep, we tell ourselves stories with dreams. And when we die, all that remains are the stories people will tell of us.*" (Kuritz, 1998: 4). Seluruh kehidupan kita sesungguhnya dibendung oleh cerita dan kita sebenarnya pelakon dalam berbagai persekitaran dan situasi di atas sebuah pentas besar dengan penonton yang ramai tanpa kita sedari.

Apabila kita belajar mengenal seni barulah perlakuan itu dibuat secara sedar dan teratur. Kerana, "*...with the dramatic theatre, storytelling became direct enactment. Instead of telling what actions other people did, storytellers did the actions themselves, and, in the process, became actors. On the theatre's stage, people stand before other people and do other people's actions as if they were their own. The actions may derive from history, from fantasy, or from mixture of both. So wondrous can the event be, that the Russian acting teacher Constantin Stanislavski (1863-1938) called it 'magic'.*" (1998:4) Tapi bagi mendapatkan magis di atas pentas, punca atau sumber utamanya adalah skrip atau cerita yang ditulis. Itulah sumber ilham yang menjadi modal dan bekalan kreativiti seluruh pekerja di pentas dan juga di belakang pentas.

Cabaran dan Strategi:

Cabaran utama dalam industri seni adalah kepelbagaian audiens atau khalayak atau pengguna. Khalayak ini menjadi sangat *segmented* sifatnya menjadikan setiap karya perlu terlebih dahulu mengkaji tahap kebolehan pasarannya atau mengenalpasti segmen mana yang harus dijadikan tumpuan. Benar kita akan menganggap setiap karya yang terhasil itu ditujukan kepada pasaran yang terbuka, siapa saja boleh menikmatinya. Tetapi dunia hari ini sudah jauh berubah, sudah terlalu banyak pilihan dan kesempatan yang sangat mudah dicapai, bahkan membolehkan penontonan dilakukan secara sulit dan sendirian.

Seni dan Remaja:

Berdasarkan kaji selidik oleh *The Global Campaign for Education*, sebuah badan bebas bukan berasaskan keuntungan yang membuat kajian dalam 150 negara, mendapati 106 juta pelajar dari seluruh dunia gagal memperoleh asas pendidikan yang baik. Angka berkenaan meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh lebih sedekad berdasarkan kaji selidik pertama dilakukan pada 1999. 123 juta remaja berusia 15 – 24 tahun tidak mempunyai kemampuan membaca dan menulis. 61% adalah perempuan. Ini suatu



kejutan. Dalam jumlah 123 juta ini tentunya ada sebilangan besar yang mempunyai bakat seni semula jadi dalam diri mereka, tetapi jika untuk mendapat pendidikan sudah terhalang, tentu saja bakat mereka juga tidak akan berkembang. Setidak-tidaknya mereka perlu diajar membaca dalam bahasa mereka dan jika semua karya penulisan dapat diterjemahkan kepada semua bahasa di dunia, pengetahuan anak-anak itu tentu saja meluas hanya melalui pembacaan. Itu juga suatu peranan dan keteguhan bahasa.

Anehnya seluruh dunia hari ini memberi perhatian kepada golongan anak muda atau remaja. Terlalu banyak program disusun-atur untuk golongan ini. Semua orang memberikan tumpuan kepada mereka. Parti politik ada sayap pemuda dan pemudi, sastera juga mempersiapkan program khusus untuk anak muda atau remaja, ibu-bapa cuba sedaya mungkin memenuhi keperluan harian anak-anak remaja mereka. Kenapa semua orang menjadi takut dengan anak muda dan remaja? Orang politik barangkali takut tidak mendapat sokongan dan undian jangka panjang, penerbit karya seni takut kehilangan penonton, dan ibubapa barangkali takut anak-anak mereka menjadi song-sang dan 'menconteng arang' ke muka mereka. Tapi apakah anak muda dalam zaman teknologi di hujung jari ini mengambil kisah tentang resah-gelisah orang lain di sekeliling kehidupan mereka?

Cabaran ini yang perlu diselesaikan dahulu dalam suatu perancangan yang rapi dan menyeluruh dan memerlukan penglibatan banyak pihak. Ini bererti kerjasama bagi melahirkan suatu gagasan, wawasan atau apa saja istilah tapi pokoknya menuju ke arah kesejahteraan hidup manusia. Ini cabaran besar kerana seperti yang saya katakan tadi dunia sudah menjadi begitu terbuka, tanpa sempadan kata pakar IT dan ditambah lagi dengan kata maklumat dihujung jari. Bagaimana akan kita menanganinya?

Kekayaan, kemewahan dan keselesaan hidup menjadikan manusia sentiasa berpesta riang ria dan tidak lagi menangis atau menitikkan airmata. Bagi golongan ini semua aspek kehidupan dipestariakan: menunaikan fardhu haji atau umrah, perkahwinan anak-anak, sambutan hari raya, hari lahir dan macam-macam. Bahkan rakyat juga diajar berpesta sepanjang masa. Kata Siti Jarum (3 Ogos 2014: 9) "...hari raya ialah merayakan hiburan di televisyen. Pakai baju Melayu dan kebaya...dan terperap di rumah menonton televisyen dan seolah-olah orang datang beraya mengganggu konsentrasi menonton program raya." Ini juga yang ditulis oleh Roslan Hanafi (1 Mac, 2015) yang sinis mengatakan, "...adalah silap kalau mengelaskan generasi muda menggemari hiburan yang bertaraf rendah, menghina intelektual dan menyuburkan hedonisme." Tulisan itu sangat halus menikam kerana beliau juga memberi ulasan kepada sikap dan tingkahlaku penerima anugerah dalam suatu majlis anjuran sebuah stesen televisyen tempatan, "Artis atau pelawak yang 'suka bagai nak gila' apabila menerima anugerah...mereka seolah-olah menjulang trofi di Anugerah Academy...bagi mereka ini pencapaian terlalu besar. Itu menunjukkan kualiti yang ada kepada sebahagian artis yang dijadikan umpam untuk menaikkan penarafan (*rating*) program hiburan tempatan." Inilah hakikatnya: kepala kosong yang mudah menjadi besar dan merasakan diri sebagai selebriti yang dikejar dan dipuja peminat.

Pembacaan dan Penontonan Awam:

Soalnya: apakah mereka membaca? Dan apa yang mereka baca? Hari ini jika anda masuk ke sebuah kedai buku di Malaysia dan melewati rak pada bahagian novel Melayu



anda akan mendapati dari sepuluh buah novel yang terpamer lapan mengandungi perkataan 'cinta' dalam tajuknya. Jika anda meneliti keseluruhan tajuk filem Melayu dalam tempoh setahun anda juga akan menemui perkataan yang sama selain perkataan-perkataan 'hantu' dan 'gengster'. Itulah yang dibaca dan ditonton!

Dalam kertas kerja saya "Sastera Sebagai Pemangkin Pembangunan Kandungan Industri Kreatif Negara" (2012), saya turut meletakkan harapan kepada golongan "...yang mendapat pendidikan formal dalam bidang-bidang seperti seni bina, kejuruteraan, perubatan dan undang-undang dan menguasai kedua bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Mereka banyak membaca dan menonton serta banyak mengembara ke negara-negara luar dan terdedah kepada dunia kesenian antarabangsa". Oleh hal yang demikian saya juga mendapati "...kreativiti dan inovasi mereka lebih terkedepan dan menarik. Karya mereka mencapai sasaran audiens yang lebih meluas". Tetapi akhirnya saya mendapati sebahagian dari karya mereka bersifat terlalu terbuka dan mengandungi perkataan dan bahasa yang lucu, kesat serta perlakuan ganas dan mengejutkan!

Dalam industri filem ada sedikit 'permata' dan selebihnya 'kaca' dan paling banyak adalah sampah sarap. Malangnya yang dibeli dan dimiliki adalah yang tergolong dalam kategori kaca dan sampah sarap yang mereka cipta kisah cinta picisan, hantu yang tidak menakutkan atau gengster yang melucukan. Sebahagian besar dari kedadak ini memberikan pulangan lumayan kepada penerbit lalu naratif dalam bentuk dan formula yang sama diulang terbit. Malaysia tahun 2014 hanya melihat sebuah filem yang boleh dibanggakan iaitu *The Journey* (Astro Shaw)⁸. Indonesia ada beberapa buah filem menarik: *Laskar Pelangi* (Riri Riza, Miles Film & Mizan Productions)⁹, *Alangkah Lucunya (Negeri ini)* karya Dedy Mizwar dan *Habibie dan Ainun* (Dhamoo & Manoj Punjabi Productions)¹⁰. Empat buah filem mini dibuat berdasarkan skrip/lakon layar yang tertulis dengan bahasa yang kemas dan menarik. Ertinya kita masih ada harapan kerana masih ramai penonton filem yang mengharapkan 'permata' dan bukan 'kaca' atau sampah sarap.

Tapi sebahagian karyawan kita masih berdepan dengan masalah yang tidak mahu melihat kelemahan dan kekurangan diri sebagai satu perkara yang perlu diperbaiki. Matlamat kita bukan menjadi terbaik. Tidak ada usaha ke arah itu kerana dunia seni yang ditafsir secara luaran yang dangkal tidak mensyaratkan yang terbaik. Matlamat kita bukan pasaran dunia, tetapi pasaran dalam kawasan sekanggang kera dengan langit penutupnya sebuah tempurung.

Perancangan dan Realiti:

Perancangan di meja rundingan dan kemudian diterjemahkan ke atas kertas memang kelihatan sangat gah dan cemerlang, tetapi amalan sebenar di luar tidak seratus peratus menepati kehendak dan cita-cita di atas kertas. Misalnya di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan 'meningkatkan profesionalisme di kalangan karyawan industri kandungan kreatif Malaysia sekali gus memartabatkan lagi *standard* keseluruhan industri kandungan ke tahap antarabangsa'. Bagi tujuan ini, tiga tahun lalu ditubuhkan *Creative Content Industry Guild Malaysia* (Gabungan Industri Kandungan Kreatif Malaysia) yang kemudian mewujudkan pula *Creative Content Industry Recognition Framework* (CCIRF) yang dikatakan akan memberi pengiktirafan status kerjaya



melalui kuantifikasi efisien serta relevan bagi setiap *cluster* di dalam industri kandungan kreatif negara. Kelihatannya kita sangat suka dan bangga mencipta gagasan yang berbelit-belit daripada memberikan tumpuan kepada kerja sebenarnya – memartabatkan drama dan filem Melayu ke persada Nusantara dan dunia dengan gagasan dan kaedah yang mudah, cerah dan terarah.

Kita perlu merubah dan meminda keadaan budaya negatif yang sedang wujud. Tetapi perkara ini bukan mudah. Seperti kata Aziz Deraman, “Jika dikatakan rakyat Malaysia merupakan bangsa yang beragama (Islam, Kristian, Buddha, Hindu), tetapi ajaran baik agama itu seperti tidak mengakar dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat yang (kononnya) mewarisi ajaran falsafah dan nilai (murni) peradaban timur yang mementingkan adab sopan, budi bahasa, nilai kekeluargaan, toleransi, saling menghormati dan muafakat seperti yang diwarisi dari ajaran Islam, nilai-nilai budaya Melayu, falsafah Kung Fu Tze, nilai-nilai Hindu atau nilai-nilai lain yang baik, rupa-rupanya tidak cukup menjadi kekuatan pertahanan diri. Gejala pengaruh asing yang tidak mementingkan kemasyarakatan agaknya lebih menguasai sikap individualistik mereka dan kerana itu dengan tamaknya akan lebih mementingkan kekayaan kebendaan”. (228) Hakikat ini juga menjadi cabaran besar dalam industri kreatif dan setiap usaha golongan karyawan bagi menegak dan mengukuhkan setiap bahasa dalam kerja atau kegiatan seni mereka.

Di mana silapnya kita?

Kita membiarkan diri diperhambakan teknologi. Kita jadi pak turut yang setia. Anak-anak muda terdedah dengan hidangan basi yang diulang seribu kali tanpa diberikan pilihan. Media sosial dan elektronik berjaya memikat dan mempengaruhi mereka. Budaya sindrom selebriti amat menguja dan menjadikan mereka hilang akal yang sihat dan sempurna.

Kita perlu mewujudkan suatu budaya kesenian tinggi yang tidak bercambah dan melata tetapi sebaliknya perlu dicari dan dibeli dengan harga di tempat-tempat tertentu sahaja. *High art vesus popular art* – budaya tinggi harus dijadikan sebagai pesaing kepada budaya popular. Harus ada suatu perancangan strategik yang bermula dari masyarakat terpelajar. Seni untuk rakyat atau gagasan merakyatkan seni itu perlu dilihat semula sama ada dari segi pengisian (*content*) serta juga pelaksanaan. Jangan sampai merakyatkan seni itu menjadi murah, mudah dan musibah.

Budaya popular terkini adalah *selfie*¹¹ (*self portrait*) dan kegilaan atau kecenderungan terhadap *selfie* yang keterlaluan diistilahkan sebagai narsisisme (*narcissism*) yang mengikut Kamus Dewan adalah perihal atau keadaan terlalu memuja atau mengagumi diri sendiri. Sebuah artikel yang ditulis secara bersama oleh dua orang profesor dari Kaunas University of Technology, Lithuania¹² berjudul *Reinventing One's Identity and Simulacra of Private Life in Cyberspace* mendedahkan banyak perkara yang dialami oleh golongan ini. “Every youngster stepping into the arena of social networks becomes a new player, whose identity is being shaped by almighty symbols of ‘like’ and ‘dislike’”. Penyelidikan membuktikan bahawa simbol ‘like’ itu dianggap sebagai peranan sosial yang penting dan ‘like’ yang banyak dianggap sebagai benar-benar disukai dan dihargai oleh rakan-rakan di *Facebook*. Anak-anak remaja sampai sanggup merubah perangai dan tingkah laku *to the logic of the ‘like’ market* sedangkan apa yang dialami hanyalah



bayangan imaginasi. Ini menyebabkan anak-anak remaja yang gilakan sebanyak mungkin 'likes' mula menulis dan bergambar dengan gaya bahasa dan gelagat yang mereka fikir akan disukai oleh semua orang, sedangkan itu bukanlah apa yang ada dalam fikiran sebenar mereka. Inilah golongan yang disebut sebagai 'identity-seeking youngsters' yang secara tidak sedar menulis dalam bahasa yang mengejutkan dan penampilan diri yang menakutkan.

Dalam sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai guna tenaga industri kreatif yang dianggarkan hanya sebanyak 0.4% atau 45,301¹³ pekerjaan berbanding jumlah penduduk seramai 28.31¹⁴, ia mempunyai saiz industri seni kreatif yang sangat kecil. Tapi industri yang tidak banyak bersaing dengan dunia luar ini diperbesarkan oleh media cetak, elektronik dan media sosial. Gembar-gemburnya menjadikan setiap penglibat merasakan dirinya besar, terkenal, dipuja dan disanjung. Media hiburan mengambil kesempatan menjual mereka untuk mengaut pulangan lumayan dan sekali gus memperbodohkan anak-anak remaja dari golongan 'identity-seekers' tadi yang turut berangan menjadi setanding dengan selebriti atau 'pelakon majalah' pujaan mereka.

Bagi sebilangan besar penglibat industri seni terutama yang bergelar 'artis', soal mutu atau kualiti drama atau filem dengan skrip dan lakon layar yang baik tertolak ke tepi, yang penting wajah masuk televisyen dan majalah dan diri dikenali sebagai artis. Soal ilmu dan mutu lakonan tidak penting. Yang penting diminta hadir dalam pesta gemilang dan pakai baju yang mengerlip dan berposing di depan jurukamera yang berebut-rebutan. Fenomena ini disokong pula oleh terlalu banyaknya majlis pesta dan anugerah berkaitan berbagai bidang seninya: Festival Filem Malaysia, Anugerah Skrin TV3, Anugerah Santai Selebriti & Media, Anugerah Lawak Warna, Anugerah Era, Anugerah Juara Lagu, Anugerah Industri Muzik, Anugerah Meletop dan macam-macam lagi. Tak cukup dengan pesta sendiri, artis kita turut berkarpit merah di Kuala Lumpur apabila orang lain mengadakan festival filem di Amerika.

Institusi Pengajian Tinggi dan Dunia Seni:

Saya menyarankan kewujudan rangkaian pawagam alternatif di semua institusi pengajian tinggi bagi memulakan kumpulan peminat seni filem yang berilmu. Kine Klub (*Cine club*) seperti yang pernah dipelopori di kampus pengajian tinggi seperti di Bandung dan lain-lain kampus universiti di Indonesia (Nugroho, Herlina S, 2013: 364) dan juga di Korea itu perlu diwujudkan semula dan kali ini harus dibuat pada skala yang lebih besar. Setiap institusi pengajian tinggi diwajibkan membelanjakan sejumlah dana bagi memilih sebuah dewan, auditorium, panggung yang sedia ada untuk dilengkapi sistem tayangan dan sistem bunyi yang setara dan setaraf dengan apa yang wujud di rangkaian pawagam sedia ada. Masyarakat kampus yang terdiri dari pelajar, staf akademik, staf pentadbiran dan staf sokongan perlu diberikan didikan dan peluang untuk menjadi penonton tegar kepada filem-filem berkualiti yang dipilih dari seluruh dunia. Program ini boleh dimulakan di semua universiti awam di Malaysia yang secara keseluruhannya mempunyai jumlah pelajar dan kakitangan ratusan ribu.

Semua fakulti/pusat/sekolah/jabatan yang berkait dengan pembelajaran seni di universiti-universiti ini juga harus mula memilih dan mengambil kemasukan pelajar-pelajar dari kalangan calon-calon celik seni yang mendapat kelulusan akademik yang cemerlang. Umum sering beranggapan bahawa pelajar cemerlang dengan lapan atau sepuluh gred A dalam peperiksaan umum adalah calon bagi program pengajian per-



ubatan, kejuruteraan, undang-undang atau IT. Tahap keyakinan ini perlu dipinda. Sekolah atau fakulti seni perlu menyediakan dana atau biasiswa bagi menggamit pelajar cemerlang yang berbakat

Orang seni itu mesti cerdik dan berilmu, baru apa yang dihasilkan meningkat kualitinya. Sekarang ini sebilangan besar penglibat industri seni adalah dari golongan yang bergantung kepada bakat semata-mata dan tidak berusaha untuk menambah ilmu kerana sudah selesa dengan hasil atau pendapatan yang diperoleh. Setiap sidang ilmu yang mahu mengundang mereka, akan ditanya berapa bayaran yang akan mereka peroleh dan memang ada jabatan/perbadanan yang melayani tuntutan mereka dengan membayar hanya untuk hadir atau tunjuk muka dan bergambar untuk surat khabar dan majalah. Ternyata industri telah merosakkan mereka. Mereka tidak perlu cemerlang untuk menang dan berjaya dan mungkin untuk hidup kaya. Mereka tidak akan belajar, tidak akan bersusah payah untuk bertanding dengan orang luar, tidak perlu menghadirkan diri pada majlis atau sidang ilmu kerana beranggapan: itu semua membuang masa. Yang perlu dibuat adalah apa saja yang boleh menghasilkan duit dan menjadi popular. Sikap penonton pula merosakkan kualiti industri dengan perangai dan sikap ketaksuban yang melampau terhadap golongan yang dikenali mereka sebagai 'artis' ini.

Penutup:

Karya seni yang terbilang menampakkan keindahan dalam setiap sudut dan tidak hanya dari segi bahasa dan kreativiti pencipta yang serius. Kata Ismail Abdullah, "Kreativiti yang serius biasanya terdiri daripada pemikiran kritis dan revolusioner. Pemikiran kreatif tidak menjadikan sesebuah karya filem itu kaku, stereotaip, sebaliknya pemikiran tersebut sentiasa segar dengan idea baru, terbuka dan liberal serta *avant-garde*". (2009: 180) Tetapi keseriusan ini harus mengambil kira tahap pemikiran khalayak penonton yang seharusnya sama atau setidak-tidaknya bersedia untuk menerima sesuatu yang terkeluar dari tahap pencapaian intelek mereka.

Tetapi hakikatnya sebahagian besar karya dan karyawan itu berada dalam situasi yang merugikan. Mereka tidak serius sebaliknya menjadikan kerja seni sebagai wadah atau tempat mencari keseronokan atau mengambil kesempatan untuk bersukaria atau dalam bahasa Inggerisnya '*to have some fun*', lalu semua kerja dibuat secara main-main, bersenda-loka, tidak perlu serius, tidak perlu memeras otak untuk berfikir kerana penonton juga tidak mahu berfikir. Berfikir itu sakit, berat, penat tetapi ketawa itu ringan, mudah sekalipun tahap kecerdikan tidak meningkat.

Negara yang kaya dan mewah memang menjadikan rakyatnya leka dan manja serta kurang bertanggungjawab terhadap banyak perkara dalam kehidupan termasuklah tahap apresiasi terhadap karya dan pendidikan seni yang berkualiti tinggi. Tetapi negara miskin dengan tidak sengaja memaksa rakyatnya berusaha dan bertanding untuk menjadi terbaik. Kata Syed Naguib al-Attas (1977) "...pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang baik, bukannya warganegara yang bertanggungjawab. Hal ini demikian kerana manusia yang baik sudah semestinya akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab."¹⁵ Tetapi kita tidak perlulah menjadi miskin untuk menjadi insan yang baik dan bertanggungjawab, kerana dengan kekayaan dan pemikiran yang bernas kita juga masih boleh bertanding menjadi terbaik, bahkan dengan dana yang mencukupi



kita mampu membuka ruang pertandingan itu menjadi lebih luas dengan mengadakan festival di peringkat antarabangsa seperti yang dibuat oleh negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia. Yang penting adalah sifat keterbukaan untuk bertanding dengan siapa saja untuk menjadi terbaik.

Renungan bersama:

Dalam tahun 1924 Archibald Henderson menemubual Bernard Shaw mengenai penulis skrip filem. Kata Shaw, “...in my youth all writing was done by men who, if they had little Latin and less Greek, had at any rate been in schools where there was a pretense of teaching them; and they had all read the Bible, however reluctantly. Nowadays that has all gone: literary work is entrusted to men and women so illiterate that the mystery is how they ever learned their alphabet. They know next to nothing else, apparently.” (Cardullo, 2012: 35). Hari ini kita melihat dan menonton kerja seni yang dipermudahkan dengan hasil seni yang memuahkan tersiar di kaca televisyen dan tertayang di pawagam.

Kata Michael Caine, “You’re your best audience long before anybody else hears you. So don’t be an easy audience. Keep asking for more.” (1997: 22) Apa yang diucapkan oleh pelakon tersohor ini adalah keupayaan dan kesungguhan untuk mengkritik karya sendiri dengan bertanyakan berbagai soalan dan karya itu mesti memberikan jawapan. Sama ada anda seorang penulis, pelakon, pereka, penggubah atau pengarah, anda mempunyai banyak waktu untuk berbicara dengan diri anda sendiri atau dengan karya yang sedang anda hasilkan. Cuba tempatkan diri anda di tempat penonton, pembaca atau pendengar dan halusilah apa yang anda hasilkan. Anda tidak akan rasa malu untuk bercakap, bertanya atau bertengkar dengan diri anda sendiri kerana yang mendengar adalah anda dan tiada orang lain.

Howard Stein dari Yale School of Drama dalam Kata Pengantar bagi buku *Fundamental Acting* oleh Paul Kuritz menganggap, “...acting comedy, as Kuritz makes clear, is the most difficult kind of acting to master. It is also the most satisfying, the most complex, and in the end the most valuable.” Tetapi bagi anak-anak muda kita semuanya dipermudahkan dengan hanya membuat lawak bodoh dan mereka merasakan itu terbaik kerana ramai penonton yang tahap kecerdikannya rendah atau sangat rendah akan ketawa terbahak-bahak dengan apa yang mereka buat.

Dalam apa pun karya seni ia akan berdepan dengan audiens. Karyawan yang mencipta mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap khalayaknya. Kata Michael Chekhov¹⁶, “...those who create theatre must take responsibility for the impact their productions have upon their audience. They must be willing to ask if what is being presented to the spectators has any value for them as human beings. The more brilliant the artists, the more they must develop a certain moral imagination that will lead us into a more positive future”. (Chekhov, 2002). Jadi, karyawan dan hasil seninya sangat adalah agen pembangunan yang sangat penting dalam peningkatan akal budi manusia.

Pengukuhan bahasa adalah tanggungjawab bersama yang perlukan gandingan berbagai pihak terutama institusi pengajian berbagai peringkat, badan-badan NGO bahasa, seni dan kebudayaan serta kerajaan melalui berbagai kementerian. Program pengukuhan bahasa itu perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada bidang seni semata-mata. Saya melihat bahasa Melayu itu tidak hanya diperkukuhkan setakat pengembangan dalam bentuk asalnya sahaja, tetapi menjadi lebih



kukuh, lebih teguh dan lebih meluas apabila karya-karya bahasa Melayu itu diterjemahkan ke seberapa banyak mungkin bahasa lain di dunia. Dalam hal ini filem lebih mudah diperalatkan melalui terjemahan sarikata. Inilah yang dilakukan oleh Korea Selatan. Bahasanya didengari dan mungkin dipelajari tetapi difahami melalui sarikata berbagai bahasa. Filem dan siri televisyen Korea sudah menakluki dunia termasuk Amerika dan Eropah. Mahukah kita ikut jejak mereka?

Dunia seni yang dulunya ditafsirkan sebagai dunia yang mengimbangi kesibukan dan jerih-perih manusia dalam mengejar kehidupan dengan memberikan waktu rehat atau riadah yang menenteramkan kehidupan, hari ini sudah banyak terjerat oleh perkembangan teknologi. Ada dua racun utama yang meranapkan kehidupan harian manusia hari ini: *telecommunications* dan televisyen. Golongan seniman, penggiat dan pengamal seni mesti bertegas dengan kedudukan dan kegiatan mereka agar tidak dikuasai atau dikongkong teknologi tetapi sebaliknya menggunakan teknologi (*making use of technology*) bagi memberi manfaat sepenuhnya kepada pengguna.

Kritikan Diri:

Satu perkara yang merugikan adalah kurangnya kritikan jujur yang membina. Tidak ada banyak tulisan di akhbar yang benar-benar mengulas, membicारा dan membedah sesebuah karya seni dengan penganalisisan yang terperinci. Yang banyak adalah ulasan gula-menggula dengan kemanisan yang terlampau sehingga timbulnya tanggapan penulis/pengulas diberikan upahan. Sesekali cuma ada tulisan Siti Jarum dalam akhbar *Mingguan Malaysia* terbitan hari Ahad yang mengkritik bukan sahaja karya, tetapi juga golongan artis, saluran televisyen dan wartawan hiburan yang kelihatan bersekongkol dengan kilang sampah ini. Kemunculan kritikan Roslan Hanafi yang lembut, tersusun dan terarah tetapi tegas dan menggigit itu menjadi satu kejutan/panggilan bangun (*a wake-up call*) bagi seluruh industri kreatif terutama filem dan televisyen di Malaysia. Roslan mengulas tentang kegilaan generasi muda terhadap hiburan dan peranan “stesen televisyen yang berlumba-lumba menurunkan taraf intelektual program hiburan hingga serendah-rendahnya.” Tambah beliau lagi, “...wartawan hiburan pun turut larut dalam kancah hedonisme yang menjadi ancaman utama generasi muda. Mereka kembirikan keazaman untuk berfikir di luar kotak apabila tidak ada tulisan yang analitikal.” Kita harus menyokong teguran ini dan menunggu apakah akan berlakunya perubahan ke arah yang lebih matang dalam industri yang dimaksudkan.

Kata Chekhov, “...*the role of an artist was to ask questions, not to answer them*”.¹⁷ Tapi seorang seniman itu mempunyai banyak sudut pandangan – dia tidak perlu memberikan jawapan tetapi dia perlu menyatakan kebenaran dalam banyak perkara yang disentuhnya sewaktu menyimpulkan jawapan atau setidak-tidaknya menyarankan perubahan atau pindaan untuk kesejahteraan umat manusia. Perkara ini penting kerana terdapat laporan yang mengatakan, “...dalam menggalakkan kebudayaan nasional adanya fakta yang menyeleweng dalam memberitahu masyarakat yang berbeza tentang struktur dan intipati dalam pelbagai kebudayaan dan masyarakat. Kajian lapangan seharusnya digalakkan, diterbitkan, dan disebarkan ke dalam sistem pendidikan di sekolah, media massa, dan tidak ketinggalan dalam filem.” (Faaland, Parkinson, Sani-man, 2002: 370) Kepelbagaian budaya dan masyarakat adalah modal terbaik menghasilkan karya asal saja ia dibaluti kebenaran dan bukannya balutan gula dan manisan yang bertujuan menyukakan hati golongan yang mahu diangkat dan dipuji. Karya



berasaskan fakta dengan bahasa yang tajam dan garapan yang mencuit hati atau menyentuh perasaan tidak mungkin akan menjadi satu penyelewengan kecuali sengaja diberikan tafsiran yang demikian.

Kita boleh melakukan banyak perkara, mengatur berbagai program dalam usaha memperkukuhkan bahasa Melayu dalam dunia seni, tetapi yang lebih penting adalah menyarankan perubahan suasana atau persekitaran yang menaungi, menyokong dan memberi apresiasi sewajarnya terhadap karya-karya yang berkualiti. Menurut Profesor Mihaly Csikszentmihalyi (1997) yang membuat penyelidikan yang panjang dan menyeluruh mengenai dunia kreativiti di Amerika, "*It is easier to enhance creativity by changing conditions in the environment than by trying to make people think more creatively. And a genuinely creative accomplishment is almost never a result of a sudden insight, a lightbulb flashing on in the dark, but comes after years of hard work.*"¹⁸ Ternyata kita perlukan kejutan bangun atau *wake-up calls* yang lebih kerap!

Nota kaki:

- ¹ Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 7-10 Disember 1984.
- ² Kertas Kerja dibentangkan dalam Bengkel Skrip: Ke Arah Pengkaryaan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang anjuran Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia dengan kerjasama Kementerian Penerangan Malaysia di Residence Hotel, Universiti Tenaga Nasional, Bangi, Selangor pada 15-16 Mac 2005.
- ³ Kertas Ucaptama dalam persidangan Kreativiti dan Inovasi Sastera dalam Industri Kreatif di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 17-18 Oktober 2012.
- ⁴ http://en.wikipedia.org/wiki/Creative_industries 7/23/2012.
- ⁵ Kertas Dasar Industri Kreatif Negara, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2010, hal.4.
- ⁶ *Wayang* adalah filem cereka terbitan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, 2008 yang produksinya dikelolakan oleh Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik dengan barisan pelakon Eman Manan, Zul Huzaimy Marzuki, Ida Nerina, Mazlan Tahir, Rohani Yousoff, Wan Kenari dan memperkenalkan pelajar UiTM Mas Muharni. Filem berdasarkan skrip asal *Kelir Kaku* (Hatta Azad Khan) yang memenangi Hadiah Pertama Pertandingan Menulis Skrip Filem anjuran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) 2006/2007. *Wayang* menang Hadiah Khas Juri dalam Kuala Lumpur International Film Festival dan mewakili Malaysia ke International Film Festival of India di Pune dan Bangalore. Dalam Anugerah Skrin TV3 2009 *Wayang* memenangi empat anugerah: Pelakon Lelaki Terbaik, Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik, Pengarah Terbaik dan Filem Terbaik.
- ⁷ Maklumat lanjut tentang KACES sila layari laman sesawang <http://www.unescohkied.org/keces>.
- ⁸ *The Journey* adalah filem arahan Chiu Keng Guan seorang anak muda Malaysia lulusan Beijing Film Academy. Sebelum filem ini, Chiu mengarahkan filem-filem *Woohoo!* (2010) dan *Great Day* (2011). *The Journey* menjadi filem Malaysia dengan kutipan *box-office* tertinggi setakat ini iaitu RM17.2 juta.
- ⁹ *Laskar Pelangi* filem arahan Riri Riza yang diadaptasikan dari novel dengan judul yang sama karya Andrea Hirata. File mini telah ditonton oleh lebih 4.6 juta penontondi Indonesia dan telah menjelajah ke banyak Festival Filem Antarabangsa termasuk Berlin, Montreal, Pusan dan Brussel.
- ¹⁰ *Habibie dan Ainun* merupakan 'filem terlaris 2012' dengan lakonan yang sangat mengesankan oleh Reza Rahadian dan Bunga C. Lestari.



- 11 Perkataan selfie asalnya dari terma slanga Australia yang menjadi 'international word of the year'. <http://www.theguardian.com/world/2013/nov/19>.
- 12 Profesor Vilmante Liubiniene dari Jabatan Bahasa Kontemporari dan Komunikasi Antarabudaya dan Profesor Saulius Keturakis dari Jabatan Falsafah dan Psikologi.
- 13 Creative Industry Baseline Study oleh Multi-Media Development Corporation atau MDEC 2008.
- 14 Jabatan Statistik Malaysia, 2009.
- 15 Lihat Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor dalam notakaki hal.111, kertas "Sastera dalam huraian ketamadunan dan amalan di luar kebiasaan sebagai langkah utama kelahiran dunia sastera Malaysia yang seharusnya" oleh Muhammad Lutfi Ishak (Syed Naguib al-Attas, 1977, *Islam: Faham Agama dan Akhlak*, Kuala Lumpur: ABIM).
- 16 Kita mengenali Anton Chekhov (1860-1904 sebagai dramatis yang telah menghasilkan *The Seagull, Uncle Vanya, The Three Sisters* dan *The Cherry Orchard*. Michael Chekhov atau nama penuhnya Mikhail Aleksandrovich Chekhov (1891-1955) adalah anak saudara kepada Anton Chekhov. Beliau adalah seorang pelakon, pengarah, penulis teater yang telah mencipta teknik lakonan yang menjadi ikutan bintang-bintang ternama seperti Yul Brynner, Clint Eastwood, Marilyn Monroe. Stanislavski mengakui Michael Chekhov adalah muridnya yang paling pintar.
- 17 Letters of Anton Chekhov: Letter to Suvorin, 27 October 1888, "You are right in demanding that an artist should take an intelligent attitude to his work, but you confuse two things: solving a problem and stating a problem correctly. It is only the second that is obligatory for the artist." http://en.wikipedia.org/wiki/Anton_Chekhov, 21 February 2015.
- 18 Profesor Csikszentmihalyi adalah Pengerusi, Jabatan Psikologi di University of Chicago. Selain buku *Creativity - Flow and the Psychology of Discovery and Invention*, beliau juga adalah penulis bagi buku-buku *bestseller: Being Adolescent, Flow* dan *The Evolving Self*.



Rujukan:

- A.Aziz Deraman, 2010. *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bert Cardullo, ed., 2012. *Stage and Screen – Adaptation Theory from 1916 to 2000*. London: The Continuum International Publishing Group.
- Charles Landry & Franco Bianchini, 1995. *The Creative City*. New York: Demos Publications.
- David Hesmondhalgh, 2002. *The Cultural Industries*. New York: Sage Publications.
- Garin Nugroho & Dyana Herlina S., ed. 2013. *Krisis dan Paradoks Filem Indonesia*. Jakarta: Institut Kesenian Jakarta.
- Hatta Azad Khan, 2013. *Teater Filem dan Pengurusan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Abdullah, 2009. *Seni Budaya Media dan Konflik Jatidiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Howkins, 2001. *The Creative Economy: How People Make Money From Ideas*. London: Penguin.
- Just Faaland, Jack Parkinson, Rais Bin Saniman, 2002. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Shah Alam: Spektra – Radius Media Sdn. Bhd.
- 7 Magnificent Composers (7 Tokoh Muzik)*, 2002. Singapore: Perkamus, Malay Music Development Committee (National Arts Council), Composers & Authors Society of Singapore.
- Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor, ed. 2014. *Sastera Teras Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Michael Caine, 1997. *Acting in Film – An Actor’s Take on Movie Making*. New York: Applause.
- Michael Chekhov, 2002. *To The Actor on the Technique of Acting*. London: Routledge.
- Mihaly Csikszentmihalyi, 1997. *Creativity – Flow and the Psychology of Discovery and Invention*. New York: Harper Prenal.
- Paul Kuritz, 1998. *Fundamental Acting – A Practical Guide*. New York: Applause.
- Richard Florida, 2002. *The Rise of the Creative Class and How It’s Transforming Work, Leisure and Everyday Life*. New York: Basic Books.
- Roslan Hanafi, 2015. “Inikah Sajian Pemikiran Generasi Muda?” dalam *Pancaindera*, Minggu Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Scott Lash & John Urry, 1994. *Economics of Sign and Space*. New York: Sage Publications.
- Sharanpal Singh Randhawa, 2015. DBP: *Don’t make Malay movies with ‘flawed lingo’*. Kuala Lumpur: The Star (23.02.2015: 11)
- Siti Jarum, 2014. “Terima Kasih Stesen Televisyen” dalam *Minggu Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.



Lampiran I:

Lagu: Dealova, Kumpulan Dewa (Indonesia), nyanyian: Once

Aku ingin menjadi mimpi indah dalam tidurmu
Aku ingin menjadi sesuatu yang mungkin bisa kau rindu
Karena langkah merapuh tanpa dirimu
Oh karena hati telah letih
Aku ingin menjadi sesuatu yang selalu bias kau sentuh
Aku ingin kau tahu bahwa ku selalu memujamu
Tanpamu sepinya waktu merantai hati
Oh bayangmu seakan-akan
Kau seperti nyanyian dalam hatiku
Yang memanggil rinduku padamu
Seperti udara yang kuhela kau selalu ada
Hanya dirimu yang bias membuatku tenang
Tanpa dirimu aku merasa hilang
Dan sepi, dan sepi
Selalu ada, kau selalu ada
Selalu ada, kau selalu ada.....

Lampiran II:

Lagu: Di Wajahmu Ku Lihat Bulan, Gubahan: Muhtar Embut (Indonesia), penyanyi asal: Sam Saimun.

Di wajahmu ku lihat bulan
Bersembunyi di sudut kerlingan
Sadarkah tuan kau ditatap insan
Yang haus akan belaian
Di wajahmu kulihat bulan
Menerangi hati gelap rawan
Biarlah daku mencari naungan
Di wajah damai rupawan
Serasa tiada jauh kau mudah dicapai tangan
Ingin hati menjangkau kiranya tinggi di awan
Di wajahmu kulihat bulan
Yang mengintai dibalik senyuman
Jangan biarkan ku tiada berkawan
Hamba menantikan tuan.
Di wajahmu kulihat bulan
Menerangi hati gelap rawan
Biarlah daku mencari naungan
Di wajah damai rupawan
Serasa tiada jauh kau mudah dicapai tangan
Ingin hati menjangkau kiranya tinggi di awan
Di wajahmu kulihat bulan
Yang mengintai dibalik senyuman
Jangan biarkan ku tiada berkawan
Hamba menantikan tuan.



Lampiran III:

Lagu: Permata Untuk Isteri, Gubahan/nyanyian: Koprata (Malaysia)

Telah ku siapkan satu daerah paling sunyi
Dalam hati ini untuk kau isi sebagai isteri
Untuk kau penuhi dengan kemuliaan seorang wanita
Untuk kau beri erti dengan kelembutan
Untuk kau hargai dengan kasih sayang
Ku ingin kau jadi wanita mulia
Yang tahu harga budi dan hati
Seorang lelaki bernama suami
Kerana kau isteri
Ku ingin kau mengerti bahawa hidup ini
Tak semudah yang kita janjikan
Yang kita janjikan
Kerana kau isteriku.

